

# KARNIVAL KERJAYA KEUSAHAWANAN UNIUNIMAP 2008

Universiti Malaysia Perlis, 11 – 13 April 2008 yang lalu, telah menganjurkan Karnival Kerjaya & Keusahawanan UniMAP 2008 bertempat di Dewan Wawasan 2020, Kangar Perlis. Majlis yang berlangsung selama 3 hari itu telah menerima penyertaan lebih daripada 20 syarikat dan 52 booth telah berjaya dipenuhi. Majlis Perasmian Karnival Kerjaya & Keusahawanan UniMAP 2008 ini telah dirasmikan oleh YBM Dato' Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail yang juga Exco Kerajaan Negeri Perlis. Karnival ini anjuran bersama Kelab Keusahawanan Siswa UniMAP, Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan(PKKK) dan Pusat Kerjasama Industri (CIC) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) dan Kerajaan Negeri Perlis. Turut juga diadakan sesi temuduga bagi mahasiswa-mahasiswa UniMAP yang kini sedang berada di tahun akhir pengajian. Antara syarikat



yang terlibat dalam sesi temuduga tersebut ialah Universiti Teknologi Petronas(UTP), On Semiconductor, Spansion(Penang) Sdn Bhd dan Intel Technology Sdn Bhd. Dalam pada masa yang sama juga, turut diadakan sesi ceramah dan bengkel yang disertai oleh pelajar-pelajar sekolah sekitar negeri Perlis. Selain itu, wakil daripada Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak dan IKBN juga tidak ketinggalan dalam sesi bengkel tersebut. Selain daripada wakil daripada pihak SAMATA Industry Sdn Bhd yang menyampaikan ceramah, Timbalan Ketua Setiausaha di MeCD iaitu Dato' Hashim Abdullah juga berbesar hati dalam memberikan nasihat dan tunjuk ajar kepada peserta bengkel tersebut. Bagi Majlis Perasmian Makan Malam pula, ianya dirasmikan oleh Y.B En. Mohamad Zabidi bin Zainal, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis mewakili Y.A.B Menteri Besar Perlis. Turut hadir sama pada malam tersebut ialah Y.Bhg Dato' Hashim Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha MeCD. Majlis turut diserikan lagi dengan persembahan kebudayaan dan muzikal dari Unit Kebudayaan UniMAP.